



(http://www.upm.edu.my)

Selamat Datang Ke Laman Portal  
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**



(https://www.malaysia.gov.my)

AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2)  
 PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19) KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan\_kampus-18)

🏠 (/) » BERITA (/BERITA) » BENDUNG MASALAH “PEMERANGAN” PADA BUAH NANGKA

Senarai Berita (/berita)

## Bendung Masalah “Pemerangan” Pada Buah Nangka

Oleh: Dr. Daljit Singh



LANCHANG - Masalah pemerangan atau “karat” pada buah nangka menyebabkan hasil pulangan tuai buah nangka di negara ini menurun.

Ia kerana pembeli tidak mahu membeli buah yang berpenyakit menyebabkan buah nangka tidak mendapat pasaran yang menggalakkan. Masalah pemerangan ini banyak terjadi pada buah nangka madu J33.

Meskipun permintaan terhadap buah nangka madu untuk pasaran tempatan dan luar negara adalah tinggi kerana rasanya yang sedap dan manis, namun, pemerangan pada buah nangka ini mengurangkan hasil tuai sebanyak 30% setiap tahun.

Khasiat buah nangka termasuk membantu dalam penurunan tekanan darah dan meningkatkan sirkulasi darah dalam badan. Ia juga kaya dengan vitamin A dan C (anti-oksida) yang membantu menguatkan sistem daya tahan badan terhadap serangan penyakit, selain memelihara kesihatan mata dan kulit.

Dalam usaha mengatasi masalah pemerangan, sebuah syarikat yang mengusaha ladang nangka, KMT Group, mendapatkan khidmat bantuan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) yang meninjau serta mengambil beberapa sampel buah, daun, kulit pokok dan tanah untuk dianalisis.



Dr. Mohd Termizi Yusof, Dr. Dzarifah Zulperi, Dr. Siti Izera Ismail, Dr. Daljit Singh Karam dan Dr. Mohd Hakim Mansor mengadakan lawatan sehari dan meninjau keadaan ladang nangka itu, di sini baru-baru ini.

Dr. Mohd Termizi, pakar mikrobiologi dari Jabatan Mikrobiologi, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, UPM berkata, apa yang dilihat ialah setiap pokok mempunyai masalah serangan penyakit yang berbeza iaitu kanker, pemerangan dan kulat.

### LIHAT JUGA



Jonathan, Saritha dinobat Olai 2016 (/berita /jonathan\_saritha\_dinobat\_ola 016-32010)



‘REMDII Sensitive’ bantu pulih /remdii\_sensitive\_bantu\_pulih\_



UPM KUKUH RANKING QS UN KE-229 DAN KEKAL KEDUA TE /upm\_kukuh\_ranking\_qs\_unive kekal\_kedua\_terbaik\_negara-3



Universiti Putra Malaysia  
 43400 UPM Serdang  
 Selangor Darul Ehsan

☎ 1800 22 5587

📠 +603 8948 7273

@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.n

Katanya, sampel yang diambil akan dianalisis bagi mengetahui punca penyakit, seterusnya mengambil langkah mitigasi bagi mengurangkan penyebaran penyakit ke pokok-pokok yang sihat.

“Salah satu langkah bagi membendung atau mengurangkan serangan penyakit ini ialah dengan melakukan penanaman campuran.

“Sanitari di kawasan ladang sebelum penanaman perlu dilakukan kerana kita tidak mengetahui vektor penyakit yang terdapat di dalam tanah mahupun persekitaran,” katanya.



Pakar patologi tumbuhan dari Jabatan Perlindungan Tumbuhan, Fakulti Pertanian, UPM, Dr. Dzarifah pula berkata, peralatan untuk penanaman, pembajaan dan penuaian juga perlu dipastikan sentiasa dalam keadaan bersih sebelum dan selepas digunakan kerana penyakit itu juga merebak melalui peralatan penanaman.

“Setakat ini, hipotesis kami adalah simptom pemerangan ini bermula selepas pembungaan wujud. Pemerangan ini juga disebabkan oleh jangkitan bakteria *Pantoeastewartii* yang memberi kesan langsung dengan mengubah keadaan dan kualiti nangka.

“Kami mengambil beberapa sampel buah yang mempunyai kadar umur berbeza untuk dianalisis,” katanya.

Sementara itu Pengurus Besar KMT Group, Ng Swee Pen berkata, masalah serangan penyakit itu bukan baharu di ladang itu, dan pihaknya sentiasa memantau kualiti pengeluaran buah-buahan dari ladang.

“Cuma sekarang, kami berdepan dengan serangan simptom pemerangan ini yang menyebabkan buah-buahan tersebut tidak dapat dijual”.

Pengarah Pembangunan Perniagaan KMT Group, Dr. Lee Kok Loong, pula berkata selain juga mendapatkan khidmat bantuan penyelidik UPM, pihaknya juga menggunakan pelbagai kaedah penanaman yang bersesuaian, termasuk dalam sistem sanitari ladang dan juga peralatan yang digunakan. - UPM

Kemaskini: 29/05/2017 [hairul\_nizam]

**PERKONGSIAN MEDIA**

(<https://www.addtoany.com/share?url=http%3A%2F>

[http://www.upm.edu.my/2Fberita/2Fbendung\\_masalah\\_pemerangan\\_pada\\_buah\\_nangka-31490&title=Bendung%20Masalah%20%E2%80%9Cpemerangan%E2%80%9D%20Pada%20Buah%20Nangka%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia](http://www.upm.edu.my/2Fberita/2Fbendung_masalah_pemerangan_pada_buah_nangka-31490&title=Bendung%20Masalah%20%E2%80%9Cpemerangan%E2%80%9D%20Pada%20Buah%20Nangka%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)  
 (/#facebook) (/#twitter) (/#google\_plus) (/#linkedin) (/#email)

(/#copy\_link) (/#wordpress) (/#print)

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**  
 43400 UPM Serdang Selangor Darul Ehsan MALAYSIA  
 ☎ 1800 22 5587  
 ☎ +603 8948 7273  
 ✉ [marketing@upm.edu.my](mailto:marketing@upm.edu.my)

**PAUTAN LUAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (<http://www.moe.gov.my/>)  
 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my>)  
 1Malaysia (<http://www.1malaysia.com.my>)  
 Multimedia Super Corridor (<https://www.mscomalaysia.my>)  
 Portal myGovernment (<https://www.malaysia.gov.my/en/home>)  
 Agensi Kelayakan Malaysia (<http://www.mqa.gov.my/>)

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)  
 Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (<http://www.sisman.upm.edu.my/>)  
 Sistem Permohonan ke Luar Negara (<http://spln.upm.edu.my>)  
 Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)  
 Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonicit.upm.edu.my/>)  
 Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)  
 Sistem Pengurusan Perubatan (<http://regmedic.upm.edu.my/>)  
 Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)  
 i-GIMS (staf) (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/fgims/index.jsp>)  
 i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (<http://sgsportal.upm.edu.my/j2ee/portal/login.jsp>)

**PAUTAN PANTAS**

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)  
 Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.upm.edu.my/statistik>)  
 Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my/>)  
 Laporan Piagam Pelanggan ([http://www.upm.edu.my/mengenal\\_kami/maklumat\\_korporat/piagam\\_pelanggan-8202](http://www.upm.edu.my/mengenal_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202))  
 Dasar UPM (<http://www.pnc.upm.edu.my/DASARUNIVERSITI#DASARUNIVERSITI>)  
 Sistem Pengurusan ISO ([http://reg.upm.edu.my/spk\\_upm/](http://reg.upm.edu.my/spk_upm/))  
 Dana Wakaf Ilmu (<http://www.fund4knowledge.upm.edu.my/ezakatputra/>)  
 Penerbitan UPM ([http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan\\_UPM-29859](http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859))  
 Poliklinik Putra Medik ([http://www.upm.edu.my/kandungan/Poliklinik\\_Putra\\_Medik-29862](http://www.upm.edu.my/kandungan/Poliklinik_Putra_Medik-29862))



BM

Entiti Kam

Dokumer

Newslette

Tetapar

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah)  
(<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)



BM

Dasar Privasi ([footnote/dasar\\_privasi-29949](#)) Hakcipta ([footnote/hakcipta-29950](#))  
RSS ([footnote/rss-29951](#)) Penafian ([footnote/penafian-29938](#)) Bantuan ([footnote/bantuan-29937](#))  
Dasar Keselamatan ([footnote/dasar\\_keselamatan-29939](#))

© 2017 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL  HANTAR

Entiti Kam

Dokumer

Newslette

Tetapar